

# Zaidatul sasar capai kemuncak Ogos ini

**SEPANG 26 April** - Selepas mencuri tumpuan dengan memecah rekod 100 meter wanita kebangsaan bulan lalu, Zaidatul Husniyah enggan mengerah kudratnya secara berlebihan dalam masa terdekat kerana mahu mencapai kemuncak pada waktu paling tepat iaitu Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur, Ogos ini.

Pelari kelahiran Pulau Pinang itu memberikan harapan kepada olahraga tanah air apabila mencatat kepantasan 11.45 saat dalam Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan, 9 Mac lalu, sekali gus memadam rekod berusia 24 tahun milik G. Shanti, 11.50s yang dilakukan ketika Pra Sukan SEA 1993.

Catatannya itu membuatkan Zaidatul diletakkan harapan untuk menjadi pelari pecut wanita pertama negara memenangi

pingat emas 100m Sukan SEA dalam tempoh 10 tahun.

Walaupun kini bergelar pemegang rekod kebangsaan Zaidatul, 24, bagaimanapun berasakan dia belum cukup pantas selagi tidak berupaya membantu Malaysia memenangi 100m wanita dalam Sukan SEA.

Kali terakhir Malaysia meraih emas 100m wanita di temasya berkenaan adalah menerusi Shanti yang dilakukan di Jakarta pada 1997.

“Kejohanan terdekat yang akan saya sertai selepas ini adalah Terbuka Singapura pada hujung bulan ini. Saya akan cuba beri yang terbaik dan kita lihat apa yang boleh diraih nanti.

“Namun begitu, saya tidak mahu terlalu melonjakkan prestasi dalam masa terdekat kerana mahu memastikan saya mencapai kemuncak ketika Sukan SEA.

“Buat masa ini saya rasa belum cukup pantas dan masih banyak yang perlu diperbaiki sebelum temasya bermula, malah pulang sebagai pemegang rekod 100m wanita membuatkan saya mahu melakukan yang terbaik; bukan sahaja dalam Sukan SEA tetapi juga kejohanan lain termasuk Sukan Asia,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, mengulas mengenai latihan di Afrika Selatan, Zaidatul berkata, ia banyak membantunya meningkatkan prestasi kerana negara itu menekankan beberapa aspek berbeza berbanding ketika berlatih di dalam negara.

“Latihan di Afrika Selatan amat berbeza dan banyak membantu meningkatkan prestasi saya. Selepas ini saya perlu lebih fokus kepada latihan di dalam negara pula,” katanya lagi.



**ZAIDATUL HUSNIAH** (tengah) akan meneruskan persediaannya menghadapi Sukan SEA dengan menyertai Terbuka Singapura pada hujung bulan ini.